



**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN LANTIKAN PENILAI DAN TENAGA
PENGAJAR BERTAULIAH CIDB
BAGI
PROGRAM PENTAULIAHAN PENGURUS PEGURUSAN FASILITI (CERTIFIED
FACILITY MANAGEMENT MANAGER)**

DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN KOMPETENSI PENYELIAAN DAN PENGURUSAN
SEKTOR PERSONEL BINAAN

Jadual 1: Syarat-syarat permohonan bagi Penilai atau Tenaga Pengajar bagi Program Pentauliahan Pengurus Pengurusan Fasiliti

KATEGORI	PENGURUSAN
LEVEL	5
NAMA LATIHAN	PENTAULIAHAN PENGURUS PENGURUSAN FASILITI
PERSIJILAN	PERAKUAN KECEKAPAN PENGURUSAN
SYARAT SEBAGAI PENGAJAR	<ul style="list-style-type: none"> a. Ijazah dan ke atas dalam bidang Pengurusan Fasiliti/Pembinaan yang berkaitan dengan bidang fasiliti. b. 10 tahun pengalaman di dalam Pengurusan Fasiliti. c. Telah ditauliahkan sebagai Pengurus Pengurusan Fasiliti Bertauliah dari CIDB. d. Mempunyai sijil <i>Train the Trainer</i> (TTT) yang diiktiraf oleh CIDB (NIOSH / HRDF).
SYARAT SEBAGAI PENILAI	<ul style="list-style-type: none"> a. Ijazah dan ke atas dalam bidang Pengurusan Fasiliti/Pembinaan yang berkaitan dengan bidang fasiliti. b. 15 tahun pengalaman di dalam Pengurusan Fasiliti. c. Telah ditauliahkan sebagai Pengurus Pengurusan Fasiliti Bertauliah dari CIDB.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN SEBAGAI TENAGA PENGAJAR

1. Memohon menggunakan Borang Permohonan sebagai Tenaga Pengajar Program Pentauliahan Pengurus Pengurusan Fasiliti.
2. Membayar fi pemprosesan permohonan sebanyak RM50 (0% GST) sewaktu mengemukakan borang permohonan yang lengkap.
3. Surat pemakluman keputusan perlantikan akan dikeluarkan bersama arahan bayaran sebanyak RM300 (**Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja**) (0% GST) bagi 2 tahun lantikan.
4. Bayaran boleh dibuat ke atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** secara Bank Deraf/Money Order/Tunai di mana-mana kaunter Pejabat Negeri CIDB dan Cawangan dan Ibu Pejabat CIDB, atau secara atas talian (*pemakluman mengenai pembayaran secara atas talian akan dibuat oleh pihak CIDB*).
5. Serahkan salinan resit keputusan perlantikan tersebut ke Bahagian Kompetensi Penyeliaan dan Pengurusan.
6. Sijil Pentauliahan Tenaga Pengajar akan dikeluarkan setelah menerima salinan resit seperti yang disebut di para **(5)**.
7. Tempoh masa **2 tahun** lantikan akan bermula dari tarikh bayaran resit keputusan diterima.
8. Sijil Pentauliahan Tenaga Pengajar akan dikepilkan bersekali dengan Terma dan Syarat sebagai Tenaga Pengajar.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN SEBAGAI PENILAI

1. Memohon menggunakan Borang Permohonan sebagai Penilai Program Pentauliahan Pengurus Pengurusan Fasiliti.
2. Membayar fi pemprosesan permohonan sebanyak RM50 (0% GST) sewaktu mengemukakan borang permohonan yang lengkap.
3. Surat pemakluman keputusan perlantikan akan dikeluarkan bersama arahan bayaran sebanyak RM150 (**Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Sahaja**) (0% GST) bagi 2 tahun lantikan.

4. Bayaran boleh dibuat ke atas nama **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** secara Bank Deraf/Money Order/Tunai di mana-mana kaunter Pejabat Negeri CIDB dan Cawangan dan Ibu Pejabat CIDB, atau secara atas talian (*pemakluman mengenai pembayaran secara atas talian akan dibuat oleh pihak CIDB*).
5. Tempoh masa **2 tahun** lantikan akan bermula dari tarikh bayaran resit keputusan diterima.
6. Sijil Pentauliahan Tenaga Pengajar akan dikepilkan bersekali dengan Terma dan Syarat sebagai Tenaga Pengajar.